

18 Mei, 2010 20:27 PM

### **RM10 Juta Untuk Pemuliharaan Hidupan Marin Pulau Kuraman**

LABUAN, 18 Mei (Bernama) -- Jabatan Taman Laut Malaysia akan membina Pusat Taman Laut bagi gugusan Pulau Kuraman tahun depan dengan peruntukan RM10 juta menerusi Rancangan Malaysia ke-10.

Ketua Pengarahnya Abdul Jamal Mydin berkata pusat itu akan berperanan sebagai pusat pengurusan, penguatkuasaan, pendidikan, penyelidikan dan aktiviti pemantauan.

"Usaha ini juga akan meningkatkan lagi promosi Pusat Taman Laut Gugusan Pulau Kuraman sebagai satu destinasi baru dalam kalendar ekopelancongan di Labuan," katanya di sini Selasa.

Beliau sebelum itu menyerahkan jeti dan Pusat Rekreasi Taman Laut Pulau Kuraman kepada Perbadanan Labuan dan majlis disaksikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup.

Taman Laut Gugusan Pulau Kuraman meliputi tiga pulau kecil yang telah diwartakan iaitu Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil dengan keluasan 1.47 km persegi dan terletak di sebelah barat-daya Pulau Labuan.

Mengulas mengenai jeti tersebut, Abdul Jamal berkata ianya akan dapat membantu jabatan itu meningkatkan usaha memelihara khazanah marin di ketiga-tiga pulau berkenaan.

Antara usaha yang telah diambil jabatan itu setakat ini ialah meletakkan tukun tiruan udang kara selain memasang boya sebagai penanda zon aktiviti laut di taman itu bagi memastikan keselamatan pengunjung, katanya.

-- BERNAMA